

## UNTUK SIARAN SEGERA

6 OKTOBER 2021

### HRD CORP MENGUMUMKAN PERADUAN MENCipta KANDUNGAN LATIHAN KEMAHIRAN DALAM PELBAGAI BAHASA

*Kandungan yang memenangi peraduan akan dipaparkan di platform pembelajaran dalam talian premier Malaysia, e-LATiH*

**Kuala Lumpur, 6 Oktober 2021** - Human Resource Development Corporation (HRD Corp) menganjurkan Peraduan Mencipta Kandungan Latihan Kemahiran untuk platform pembelajaran dalam taliannya, e-LATiH. Dengan memfokuskan kepada pembangunan kandungan latihan kemahiran dalam Bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil, pertandingan ini bertujuan untuk menyokong pembangunan kursus yang lebih dinamik dalam pelbagai bahasa bagi e-LATiH untuk jangka masa panjang.

Peraduan tersebut terbahagi kepada dua kategori utama; **kategori Am** dan **kategori Profesional**. Untuk kategori Am, penyertaan dibuka kepada warga Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas, manakala bagi kategori Profesional, penyertaan dibuka kepada mereka yang mempunyai kemahiran pedagogi dan mempunyai pengalaman mengajar atau menjalankan latihan seperti warga pendidik termasuk pensyarah atau pelatih berauliah. Peserta kategori profesional dikehendaki melampirkan bukti kelayakan akademik dan profesional mereka semasa menghantar penyertaan.

Peserta boleh memilih untuk menghantar kandungan pembelajaran kendiri dalam Bahasa Melayu, Tamil atau Mandarin. Pertandingan ini terbuka untuk semua rakyat Malaysia, kecuali pekerja HRD Corp dan ahli keluarga mereka. Pekerja dan ahli keluarga syarikat berkaitan dengan HRD Corp, termasuk penaja peraduan juga adalah tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan berkata, e-LATiH sangat bersesuaian dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang bertujuan memastikan rakyat Malaysia dapat menyerap transformasi digital secara holistik.

“*Upskilling* dan *reskilling* melalui platform pembelajaran secara dalam talian amat penting dalam usaha kita untuk mencapai matlamat ini. Selain itu, sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dan budaya seperti Malaysia, adalah penting untuk kita memberikan peluang kepada rakyat untuk menguasai kemahiran dalam bahasa ibunda atau bahasa pilihan masing-masing. Oleh itu, saya berharap rakyat Malaysia akan mengambil peluang menghantar penyertaan mereka dan membantu masyarakat belajar,” katanya dalam sidang media di Wisma HRD Corp, di sini hari ini.

Peserta perlu mereka modul pembelajaran kendiri dalam bentuk video, dengan tempoh minimum satu jam. Penyertaan tersebut juga harus dilengkapi dengan penilaian dan bahan pembelajaran tambahan. Tajuk kursus mestilah ringkas, jelas dan menggambarkan objektif pertandingan.

Sementara itu, Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Dawood berkata, sejak diperkenalkan pada Februari, e-LATiH telah menarik lebih daripada 146,000 peserta berdaftar dan mencatat hampir 360,000 kemasukkan di semua kursus. Kejayaan ini telah mendorong HRD Corp untuk terus mengembangkan platform tersebut menerusi pelbagai cara.

"Kami amat berbangga dengan e-LATiH serta impak yang dibawakan terhadap landskap latihan dan pembangunan Malaysia dalam tempoh lapan bulan ini. Pada masa ini, sebahagian besar kursus yang ditawarkan di e-LATiH adalah dalam Bahasa Inggeris. Untuk menjadikannya lebih baik, kami merasakan adalah amat penting untuk menawarkan kursus latihan dalam ketiga-tiga bahasa pertuturan utama di Negara kita. Ini akan memastikan kandungan yang ditawarkan dalam e-LATiH lebih dinamik dan pelbagai. Saya berharap peraduan ini akan menerima penyertaan dengan kandungan yang hebat, seterusnya menjadikan e-LATiH sebagai pemain utama dalam landskap latihan dan pembangunan Malaysia untuk jangka panjang," ujarnya.

Hadiah wang tunai sejumlah RM70,000 akan ditawarkan menerusi peraduan ini. Ini termasuk hadiah kategori Am iaitu RM3,000 untuk tempat pertama, RM2,000 untuk tempat kedua dan RM1,000 untuk tempat ketiga. Bagi kategori Profesional pula, peserta berpeluang memenangi wang tunai sejumlah RM5,000 untuk tempat pertama, RM4,000 untuk tempat kedua, RM3,000 tempat ketiga, RM1,500 tempat keempat dan RM550 tempat kelima.

Peraduan ini dibuka bermula 11 Oktober sehingga 10 November 2021. Rakyat Malaysia yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut atau menghantar penyertaan boleh melakukannya di <https://elatih.hrdcorp.gov.my/content-competition/>.

**TAMAT**



### **Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):**

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – [www.hrdcorp.gov.my](http://www.hrdcorp.gov.my).